

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah status terkini pembinaan loji penjana kuasa hidro di ulu Padas. Bila projek ini akan dimulakan dan akan disiapkan. Berapakah kos pembinaan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memperkukuhkan keupayaan penjanaan elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Kerajaan telah meluluskan Pelan Pembangunan Penjanaan Sabah bagi tahun 2014 hingga 2033 yang turut merangkumi cadangan pelaksanaan Projek Empangan Hidro Elektrik Upper Padas dengan kapasiti sebanyak 180 MW.
2. Bagi melaksanakan projek ini, Kerajaan telah mengeluarkan *Conditional Letter of Award (CLOA)* kepada sebuah konsortium yang terdiri daripada syarikat Kerjaya Kagum Hi-Tech JV yang memiliki pegangan ekuiti sebanyak 60% dan Kerajaan Negeri Sabah yang memiliki pegangan ekuiti sebanyak 40%. Pada masa ini, pihak konsortium sedang memuktamadkan kajian teknikal bagi projek ini. Berdasarkan perancangan yang telah dibuat, pelaksanaan projek ini akan memakan masa selama 6 tahun dan tarikh mula operasi ialah pada tahun 2023. Memandangkan pihak konsortium masih di peringkat kajian teknikal bagi projek ini, kos sebenar projek masih belum dimuktamadkan.
